



PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)
(Malaysian Mathematical Sciences Society)
d/a Jabatan Sains Matematik
Fakulti Sains & Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.Ehsan
Tel: 603-89213423/603-89213711, Faks: 603-89254519
Mel-e: maslina@ukm.edu.my, mohdalmie@ukm.edu.my
Web: <https://www.persama.org.my>

27 Februari 2025

**SEMUA KETUA JABATAN
AHLI SEUMUR HIDUP PERSAMA
MEREKA YANG BERKENAAN**

Assalamu'alaikum wbkt

Tuan/Puan,

HEBAHAN TAWARAN PENAJAAN YURAN UNTUK PENYERTAAN KE SKSM32

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) bersama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) akan menganjurkan Simposium Kebangsaan Sains Matematik ke-32 (SKSM32) pada 8 dan 9 Julai 2025 bertempat di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya.

3. Sehubungan itu, PERSAMA berbesar hati untuk menaja yuran penyertaan SKSM32 bagi beberapa ahli seumur hidup PERSAMA yang telah mendaftar keahlian selama sekurang-kurangnya setahun dan akan menjadi pembentang dalam SKSM32. Ahli PERSAMA yang telah menerima tajaan yuran SKSM dalam tempoh lima tahun kebelakang tidak boleh memohon tajaan ini.

4. Untuk memohon, ahli yang berminat dan memenuhi syarat-syarat di atas perlu mengisi dan mengembalikan borang permohonan (Lampiran 1) bersama-sama dengan surat penerimaan abstrak SKSM32 kepada urusetia PERSAMA di alamat emel setiausaha@persama.org.my. Untuk makluman, tarikh akhir permohonan adalah pada 10 April 2025.

5. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada urusetia di alamat emel setiausaha@persama.org.my. Mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk menghebahkan maklumat ini kepada mereka yang berkenaan di Jabatan tuan/puan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Wassalam.

Yang benar,

Prof. Dr. Maslina Darus
Presiden PERSAMA